



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

2
0
2
5



2
0
2
9

JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
Simpang Kuala
Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar, Kedah

SEKAPUR SIRIH



YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari
Pengarah Kesihatan Negeri Kedah

SEKAPUR SIRIH

PENGARAH KESIHATAN NEGERI KEDAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Integriti.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2025 – 2029* yang komprehensif bagi Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKN Kedah) dapat dirangka, dibangunkan dan diterbitkan.

Dalam mendukung aspirasi kerajaan untuk memastikan Malaysia dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya, JKN Kedah komited mendukung aspirasi tersebut dengan membangunkan Pelan OACP JKN Kedah secara holistik sebagai platform yang kukuh dalam usaha untuk membanteras permasalahan dan kelemahan dalam aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah di JKN Kedah. Pelan tindakan dan inisiatif yang dirangka ini mengambil kira situasi dan permasalahan semasa, pangkalan data sedia ada dengan perancangan senario serta perancangan masa hadapan ke arah memperkasakan JKN Kedah sebagai sebuah institusi berintegriti dan bebas rasuah berlandaskan tadbir urus terbaik. Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam pelan ini terhasil daripada perbincangan dan sesi *brainstorming* semasa Bengkel Pemurnian Kerangka Pelan Tindakan OACP.

Saya mewakili seluruh warga kerja JKN Kedah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh Pengurusan Tertinggi KKM, Ahli Jawatankuasa OACP KKM, wakil daripada setiap JKN, Pegawai dari Institut Integriti Malaysia serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi 2025–2029 JKN Kedah.

Besarliah harapan saya untuk melihat Pelan Antirasuah ini berjaya dilaksanakan dan menjadi panduan ke arah melaksanakan visi, misi dan matlamat yang digariskan dalam pelan ini. Justeru, adalah diharapkan warga JKN Kedah dapat memahami, menghayati dan membudayakan integriti seterusnya menghindarkan diri daripada terjebak dengan tohmahan rasuah dan salah laku integriti. Sesungguhnya adalah menjadi tanggungjawab setiap warga JKN Kedah untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan pelan ini.

Saya juga amat berharap agar JKN Kedah dapat meneruskan usaha dengan lebih tekad untuk menentang segala angkara rasuah, meningkatkan integriti dalam kalangan warga kerjanya dan meneruskan amalan tadbir urus yang baik.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari
Pengarah Kesihatan
Negeri Kedah

ISI KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN

Ringkasan Eksekutif	6
Latar Belakang Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	9
Fungsi Utama Bahagian di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	10
Struktur Organisasi Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	12
Visi dan Misi Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	14
Carta Organisasi Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	13
Budaya Korporat Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	15
Episod Pembanterasan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam	16
Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	17
Polisi Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia	18
Isu dan Cabaran Pencegahan Rasuah di Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	19
Bidang Keutamaan OACP	20
Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko	21
BAB 2 PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN RASUAH	22
Kerangka Utama OACP	24
Strategi OACP (Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	25
Analisa Kuadran OACP Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	26
Keutamaan Strategi	27
Pelan Tindakan dan Pemantauan	31

Bidang Keutamaan 1 : Pengurusan	32
Bidang Keutamaan 2 : Perolehan dan Kewangan	42
Bidang Keutamaan 3 : Penguatkuasaan dan Pemantauan	51
BAB 3 MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN, PELAPORAN	62
Mekanisme Pelaksanaan	68
Mekanisme Pemantauan	69
Mekanisme Pelaporan	70
Mekanisme Penilaian	71
BAB 4 KESIMPULAN, HARAPAN MASA DEPAN DAN PENGHARGAAN	72
Kesimpulan	73
Harapan Masa Depan	74
PENGHARGAAN	75
Jawatankuasa Teknikal Bengkel OACP	76
Urusetia OACP Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	79
Fasilitator OACP Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	79
Panel Editor OACP Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	80
Agensi Terlibat	81
LAMPIRAN : GAMBAR AKTIVITI / BENGKEL	82

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi JKN Kedah (2025-2029) ini dirangka berdasarkan NACP melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 dan No. 1 Tahun 2019. Arahan ini berkaitan dengan pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia serta OACP. Perkara ini juga telah dinyatakan dalam NACP (2019 – 2023) di bawah Strategi 6, perkara 6.2.1 yang mewajibkan semua sektor perkhidmatan awam membangunkan OACP dengan bantuan Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Buku ini terbahagi kepada empat (4) bab yang menggambarkan perjalanan pelaksanaan OACP di JKN Kedah iaitu :

BAB 1 : PENGENALAN

Bab ini memberikan gambaran mendalam tentang sejarah dan evolusi JKN Kedah sambil meneliti inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memperbaiki tatakelola, integriti dan usaha pencegahan rasuah di dalamnya. Bab ini juga menyoroti kepentingan pembangunan OACP JKN Kedah yang berpandukan kepada polisi pencegahan rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh warga JKN Kedah.

BAB 2 : PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN RASUAH

Bab ini menitikberatkan pemantapan aspek tatakelola, integriti dan rasuah melalui kerangka utama OACP. Visi, misi, matlamat, bidang keutamaan dan strategi OACP dibangunkan melalui Bengkel Pembangunan OACP dengan sokongan daripada IIM yang melakukan analisis risiko dan merangka pelan tindakan yang menyeluruh melibatkan semua bahagian di JKN Kedah. Bengkel ini tidak hanya memberikan panduan tetapi juga menetapkan arah yang jelas bagi pembangunan pelan ini.

BAB 3 : MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN, PELAPORAN

Memberi tumpuan kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Pusat Tanggungjawab agar selari dengan kerangka pelaksanaan OACP JKN Kedah. Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif OACP supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya agar mencapai hasil yang dihasratkan. Justeru, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam merealisasikan Visi dan Misi OACP JKN Kedah 2025-2029.

BAB 4 : KESIMPULAN, HARAPAN MASA DEPAN DAN PENGHARGAAN

Kerajaan telah menetapkan hala tuju melalui pembangunan suatu strategi bersepadu dan menyeluruh dalam usaha untuk memerangi rasuah dengan melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023. Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat dalam NACP merupakan suatu hala tuju yang perlu disambut baik oleh JKN Kedah bagi memastikan pelan nasional ini dapat mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya kerana rasuah. JKN Kedah telah mengorak langkah dan menzahirkan komitmen tersebut dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKN Kedah bagi tempoh lima tahun iaitu 2025 – 2029.

LATAR BELAKANG

JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

Jabatan Kesihatan Negeri Kedah ditubuhkan pada tahun 1929 dan terletak di Jalan Bakar Bata, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Kemudian dipindahkan ke Bangunan Wisma Persekutuan Alor Setar sekitar tahun 1990-an. Seterusnya berpindah ke Bangunan Felca di bandar Alor Setar berhadapan dengan Pejabat Pengurus Felcra di kawasan perindustrian Mergong. Pada Disember 2005, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah telah berpindah pejabat ke bangunan Kolej Kejururawatan Alor Setar di Lebuhraya Sultanah Bahiyah bersebelahan dengan Penjara Alor Setar. Sekali lagi, bermula Jun 2012 Jabatan Kesihatan Negeri Kedah berpindah ke pejabat baru. Pejabat ini dibina khas untuk Jabatan Kesihatan Negeri Kedah yang bertempat di Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah, Alor Setar Kedah.

Jabatan Kesihatan Negeri Kedah mempunyai sepuluh (10) buah hospital, dua belas (12) Pejabat Kesihatan Daerah dan lapan (8) Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah. Jabatan ini bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat diakses oleh semua penduduk melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan. Jabatan ini juga bertanggungjawab ke atas pematuhan terhadap semua dasar dan melaksanakan semua program serta aktiviti Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Kedah.

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN DI BAWAH JKN KEDAH

Bahagian Pengurusan

Bahagian Pengurusan berperanan penting dalam memberi perkhidmatan sokongan dari segi penyelarasan dan perancangan sumber manusia, kewangan, perolehan dan aset, pembangunan, latihan, teknologi maklumat, psikologi kaunseling termasuk lain-lain urusan berkaitan 'housekeeping'. Bahagian ini memastikan semua operasi jabatan berjalan lancar dan teratur serta menyokong pelaksanaan dasar-dasar kesihatan di peringkat negeri. Membolehkan bahagian lain memberikan tumpuan sepenuhnya dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Bahagian Perubatan

Bertanggungjawab ke atas Program Perubatan yang merangkumi urusan perkhidmatan 10 buah hospital di negeri Kedah termasuk Perkhidmatan Kepakaran dan Subkepakaran, Perkhidmatan Sokongan Klinikal Hospital, Pengurusan Teknikal Rawatan Perubatan, Kejuruteraan (Operasi Hospital), Penyelenggaraan Rekod Perubatan, Kawalan Amalan Perubatan Swasta dan Kawalan Kualiti Perkhidmatan Perubatan.

Menyediakan rawatan dan penjagaan perubatan kepada pesakit di hospital dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti perkhidmatan rawatan pesakit yang berkualiti merangkumi perkhidmatan diagnostik (pengesanan penyakit), terapeutik (perawatan) dan rehabilitatif (pemulihan) untuk pesakit. Bahagian ini memastikan semua warga Kedah mendapat akses kepada rawatan perubatan yang berkualiti tanpa mengira lokasi atau status ekonomi.

Bahagian Kesihatan Awam

Bahagian Kesihatan Awam bertanggungjawab untuk mengurus pemberian perkhidmatan Kesihatan Awam melalui aktiviti penjagaan kesihatan keluarga, pemantauan penyakit dan pencegahan serta kawalan, pemantauan keselamatan dan kualiti makanan serta air minuman, penguatkuasaan undang-undang kesihatan dengan sokongan aktiviti promosi serta kempen-kempen kesihatan untuk orang awam yang diselaraskan oleh 7 unit utama yang terdapat di bawahnya. Bahagian ini juga mengawasi dan mengawal penyakit berjangkit bagi mencegah wabak.

Bahagian Kesihatan Pergigian

Mempertingkatkan status kesihatan pergigian penduduk melalui aktiviti-aktiviti promosi, perkhidmatan pergigian, pencegahan, penggalakan, rawatan dan pemulihan supaya rakyat mencapai tahap kesihatan yang optima, hidup sihat serta dapat menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Bahagian ini juga menjalankan aktiviti promosi kesihatan pergigian di sekolah dan komuniti untuk memastikan kesihatan pergigian yang baik.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat, berkesan dan iklan ubat dan perkhidmatan perubatan mematuhi akta-akta dan peraturan yang dikuatkuasakan dan juga meningkatkan kesedaran pengguna ke atas penggunaan ubat yang berdaftar.

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

Bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kualiti makanan yang diambil oleh rakyat Kedah. Bahagian ini menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis makanan serta menjalankan ujian makmal ke atas sampel makanan.

STRUKTUR ORGANISASI JKN KEDAH

JKN Kedah dipimpin oleh seorang PKN yang berperanan sebagai ketua organisasi dan bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi kesihatan di negeri ini. PKN dibantu oleh enam (6) orang Timbalan PKN di mana masing-masing diberi tanggungjawab untuk mengurus bidang-bidang khusus yang penting dalam menjamin kesihatan awam yang bersepadu dan berkesan.

Bidang-bidang tersebut merangkumi:

Bidang Kesihatan Awam

- fokus kepada pencegahan penyakit dan promosi kesihatan

Bidang Perubatan

- memastikan rawatan klinikal dan perubatan dijalankan dengan standard yang tinggi

Bidang Kesihatan Pergigian

- menjaga kesihatan mulut dan gigi masyarakat

Bidang Perkhidmatan Farmasi

- mengawal selia penggunaan ubat-ubatan

Bidang Keselamatan dan Kualiti Makanan

- memastikan makanan yang dijual dan dikonsumsi selamat dan berkualiti

Bidang Pengurusan

- mengurus aspek pentadbiran, kewangan, perolehan & aset, teknologi maklumat dan sumber manusia jabatan.

Selain itu, JKN Kedah juga turut disokong oleh anggota kesihatan yang terdiri daripada dua (2) kumpulan utama: Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang merangkumi jawatan-jawatan berkemahiran tinggi dan berperanan dalam perancangan strategik serta pelaksanaan program kesihatan dan Kumpulan Sokongan yang terdiri daripada pelbagai skim jawatan yang jumlahnya mencapai 60 skim di mana mereka memberikan sokongan operasional dan teknikal yang sangat diperlukan untuk memastikan kelancaran perkhidmatan kesihatan.

Dengan struktur organisasi yang lengkap dan terperinci ini, JKN Kedah berusaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan holistik kepada seluruh penduduk negeri Kedah.

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN TERTINGGI



YBrs. Dr. Ismuni Bohari

**PENGARAH KESIHATAN
NEGERI KEDAH**



Dr. Norizan Ahmad

**TPKN (KESIHATAN AWAM)
Pakar Perubatan Kesihatan
Awam UD15**



Dr. Jeremy Rodney Davis

**TPKN (PERUBATAN)
Pegawai Perubatan UD14**



Dr. Badariah Thambi Chek

**TPKN (PERGIGIAN)
Pegawai Pergigian UG15**



Pn. Nor Azlina Bakar

**TPKN (FARMASI)
Pegawai Farmasi UF14**



Dr. Bathmavathy Dalayga

**TPKN (PENGURUSAN)
Pegawai Tadbir & Diplomatik
M14**



En. Mohd Khaidir Abd Hamid

**TPKN (KESELAMATAN &
KUALITI MAKANAN)
Pegawai Teknologi Makanan
C14**

VISI DAN MISI JKN KEDAH

VISI - Negara menggembeng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI - **untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:**

- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:

- mengutamakan pelanggan
- saksama
- tidak membebankan
- cekap
- wajar mengikut teknologi
- boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- inovatif

dengan menekankan:

- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- sifat menghormati maruah insan
- penglibatan masyarakat

BUDAYA KORPORAT JKN KEDAH

Penyayang

Kami komited untuk menerima pelanggan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian. Kami bersedia memberi layanan dengan bersopan santun, responsif dan menghormati hak individu. Kami bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan.

Profesionalisme

Kami komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik merangkumi etika dan taraf kerja yang dikehendaki serta prinsip anggota yang bertanggungjawab. Kami percaya dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat.

Kerja Berpasukan

Kami komited untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan harmoni bagi mencapai matlamat yang sama.

EPISOD PEMBANTERASAN RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Episod Pembanteraan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam

Dalam usaha mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteraan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Selaras dengan agenda ini, beberapa inisiatif di peringkat nasional telah dilaksanakan melalui beberapa fasa berikut:

Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004:

Memperkenalkan lima (5) objektif utama untuk mengurangkan rasuah, meningkatkan kecekapan pengurusan awam, memperkuat institusi berintegriti, meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan penglibatan semua pihak.

Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) 2010 :

Menubuhkan *National Key Result Areas* (NKRA) antirasuah, memperkuat SPRM dan melaksanakan sistem e-Procurement untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan.

Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) 2013:

Memperkasakan undang-undang antirasuah, meningkatkan integriti penjawat awam melalui latihan dan memperkuat sistem pelaporan serta pemantauan.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019:

Mengandungi 115 inisiatif yang dibahagikan kepada enam (6) bidang keutamaan yang terdiri daripada Tadbir Urus Politik, Perolehan Awam, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Undang-undang, Perundangan dan Kehakiman, Pentadbiran Kerajaan serta Sektor Korporat. NACP dibentuk melalui kajian mendalam dan melibatkan penyertaan pelbagai pihak termasuk sektor awam, swasta dan masyarakat sivil. Antara inisiatif utama di bawah NACP adalah penubuhan Unit Integriti di semua agensi kerajaan, pelaksanaan pelaporan aset oleh penjawat awam serta pengukuhan undang-undang dan penguatkuasaan.

Pelan-pelan ini telah dibentuk dengan tujuan untuk memperkuat sistem pentadbiran awam yang bersih dan berintegriti di Malaysia. Setiap pelan memperkenalkan langkah-langkah khusus yang bertujuan untuk membanteraan rasuah dan meningkatkan ketelusan dalam sektor awam. Dari PIN yang memberikan asas kepada budaya integriti, GTP 1.0 dan 2.0 yang memperkenalkan reformasi besar-besaran, hingga NACP yang menyediakan pendekatan holistik dan komprehensif, Kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmen yang berterusan dalam memerangi rasuah. Usaha-usaha ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam perkhidmatan awam, tetapi juga meneguhkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan.

KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JKN KEDAH

Pelan ini memainkan peranan penting sebagai dokumen rujukan utama untuk menangani pelbagai isu berkaitan tatakelola, integriti dan rasuah. Ia sejajar dengan Inisiatif 2.1.5 di bawah NACP dalam Strategi 2 yang bertujuan memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Inisiatif ini mewajibkan sektor awam membangunkan OACP masing-masing.

OACP JKN Kedah yang dibangunkan secara bersama untuk tempoh lima (5) tahun merupakan asas kukuh ke arah membudayakan integriti dalam kalangan warga JKN Kedah. Ia bertujuan membanteras rasuah dan pelanggaran integriti secara menyeluruh. Pembangunan dan pelaksanaan pelan ini jelas menunjukkan komitmen warga JKN Kedah untuk membentuk organisasi yang bebas rasuah, mengutamakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Usaha ini merupakan langkah tepat dalam memerangi kelemahan tatakelola, integriti dan rasuah di kalangan warga JKN Kedah.

Pelan ini juga selaras dengan aspirasi KKM untuk mencapai matlamat "**Toleransi Sifar Terhadap Rasuah**". Ia merupakan usaha proaktif yang penting dalam memastikan tatakelola yang baik dan bebas rasuah di sektor kesihatan awam negara.

POLISI PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pada 27 Ogos 2019, KKM telah melancarkan Kit Pencegahan Rasuah semasa Majlis Perjumpaan Bersama YB Menteri Kesihatan. Pelancaran ini mencerminkan usaha KKM untuk memerangi rasuah dan meningkatkan integriti dalam kalangan warga kerjanya. Enam (6) polisi utama yang dibangunkan sebagai panduan untuk seluruh warga KKM dan pihak luar yang berurusan dengan dengan kementerian ini adalah seperti berikut:



ISU DAN CABARAN PENCEGAHAN RASUAH DI JKN KEDAH

Terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam usaha mencegah rasuah di JKN Kedah. Antara isu utama adalah:

1. KELEMAHAN SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

Sistem yang tidak cekap dan prosedur yang rumit membuka peluang kepada manipulasi

2. KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN

Pengawasan yang tidak ketat terhadap proses dan prosedur kerja menyebabkan ketidakpatuhan dan peluang untuk rasuah.


3. GANGGUAN ATAU KEKANGAN DARIPADA PERSEKITARAN

Amalan dan budaya kerja yang mendorong kepada berlakunya salah laku rasuah.

4. KELEMAHAN INTEGRITI DALAM DIRI WARGA JKN KEDAH

Kurangnya kesedaran dan latihan tentang etika dan integriti mendorong berlakunya salah laku.

BIDANG KEUTAMAAN OACP



BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko tadbir urus, integriti dan antirasuah di JKN Kedah yang telah dikenal pasti:

PENGURUSAN

Pengurusan yang berkesan adalah asas kepada semua bidang keutamaan berisiko. Pengurusan yang baik memastikan semua proses berjalan lancar, sumber digunakan dengan efisien dan matlamat organisasi tercapai. Pengurusan yang lemah boleh membawa kepada pelbagai risiko termasuk ketidakcekapan, pembaziran sumber dan penurunan kualiti perkhidmatan. Oleh itu, pengurusan yang cekap dan berkesan adalah kritikal dalam mengurangkan risiko serta memastikan kejayaan organisasi.

PEROLEHAN DAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan dan perolehan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya terdapat kelemahan pada pengurusan kewangan dan perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi, ia akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

Penguatkuasaan yang tegas dan pemantauan yang berterusan dapat mengesan dan mencegah sebarang bentuk penyelewengan, penipuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang. Ini juga membantu memastikan semua prosedur dan peraturan dipatuhi serta meningkatkan tahap akauntabiliti dan integriti dalam organisasi.

BAB 2 : PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN RASUAH

KERANGKA UTAMA OACP

VISI

Memastikan tatakelola JKN Kedah yang telus dan berintegriti serta mengekalkan sifar rasuah dalam perkhidmatan kesihatan.

MISI

- Memperkasa integriti dan meningkatkan akauntabiliti di kalangan warga JKN Kedah ke arah tatakelola organisasi yang baik;
- Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan perolehan dan kewangan dalam membentuk kesedaran etika kerja yang berintegriti; dan
- Memperkukuh tatakelola prosedur penguatkuasaan dan pemantauan serta kecekapan modal insan dalam penguatkuasaan.

MATLAMAT

- Memastikan pengurusan aduan berkaitan integriti, siasatan dan pelaporan pelanggaran tatakelakuan ditangani dengan adil, cekap dan berkesan;
- Mempertingkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan dan dasar yang berkuat kuasa; dan
- Mewujudkan warga JKN Kedah yang kompeten dan berakauntabiliti.

KERANGKA UTAMA OACP



STRATEGI OACP (PEMANTAPAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH JKN
KEDAH)



ANALISA KUADRAN OACP JKN KEDAH

Analisis kuadran menggambarkan keutamaan bagi 52 inisiatif yang dikenal pasti berdasarkan analisis pangkalan data dan perancangan senario merangkumi kesemua bidang keutamaan OACP JKN Kedah. 52 inisiatif ini ditentukan tahap impak dan kompleksiti pelaksanaannya. Sebanyak 30 inisiatif berada dalam kelompok Kuadran A iaitu tergolong dalam inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti rendah dan sebanyak 22 inisiatif berada dalam kelompok kuadran B iaitu tergolong dalam inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti tinggi.

KOMPLEKSITI	Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif
IMPAK	Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



STRATEGI 1	Memperkasa Pengurusan Organisasi Ke Arah Tatakelola Yang Baik
STRATEGI 2	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Perolehan dan Kewangan
STRATEGI 3	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Penguatkuasaan dan Pemantauan

KEUTAMAAN STRATEGI

STRATEGI 1

- MEMPERKASA PENGURUSAN ORGANISASI KE ARAH TATAKELOLA YANG BAIK

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Memperkukuh dan mengadakan latihan pematuhan polisi pengurusan pengaruh luar.	A	1
2	Memperkukuhkan proses kerja bagi penempatan/pertukaran pegawai dan memastikan setiap keputusan pertukaran adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pertukaran/Penempatan.	A	1
3	Menyebarkan peringatan/hebahan secara berkala berkenaan kepentingan menyimpan rahsia jabatan.	A	1
4	Membuat hebahan/peringatan kepada pegawai untuk mematuhi tatacara pengurusan kes tatatertib.	B	1
5	Membuat hebahan untuk tidak mengeluarkan pernyataan awam tanpa kebenaran.	B	1
6	Memperkasakan fungsi Lembaga Tatatertib dengan membuat Kursus Pelaksanaan Tatatertib yang berkesan.	B	1
7	Memperkasakan pematuhan terhadap Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam KKM.	B	1
8	Memperkasakan penggunaan <i>integrity pact</i> sedia ada.	B	1
9	Memperkasakan <i>Whistleblowing Policy</i> dengan mewujudkan saluran aduan rasuah yang mesra pengguna.	B	1
10	Mengadakan Latihan Pengurusan Aduan Awam secara berkala dan menyeluruh kepada semua penyelaras aduan.	B	1
11	Mengadakan program peningkatan kesedaran <i>Whistleblowing Policy</i> .	B	1
12	Menganjurkan Bengkel Penilaian Sasaran Kerja Utama (SKU) kepada penyelia.	B	1
13	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan.	B	1

KEUTAMAAN STRATEGI

STRATEGI 2

- MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Melaksanakan kursus pengurusan belanjawan.	A	2
2	Melaksanakan latihan atau taklimat berkaitan peraturan/pekeliling perolehan yang berkuat kuasa dalam Jabatan Kesihatan Negeri secara berkala.	A	2
3	Melaksanakan program kesedaran berkaitan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkuat kuasa.	A	2
4	Membangunkan <i>Frequently Asked Questions</i> (FAQ) dan tutorial secara atas talian bagi berkaitan pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak.	A	2
5	Memperkasakan kaedah pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian sama ada bersemuka atau secara atas talian bagi memastikan penilaian dibuat secara bersekali selaras dengan peraturan perolehan yang berkuat kuasa.	A	2
6	Memperkemas prosedur kerja dengan mengeluarkan surat arahan penggunaan rujukan Jadual Kadar Harga (JKH) Jabatan Teknikal.	A	2
7	Memperkemaskan prosedur kerja proses pengurusan pembayaran.	A	2
8	Mencadang kepada pihak atasan KKM untuk arahan mewajibkan pembayaran secara tanpa tunai keseluruhan dan berperingkat.	A	2
9	Mencadangkan latihan serta taklimat berkaitan pengurusan kontrak kerajaan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang kepada Pentadbir Kontrak Jabatan.	A	2
10	Mencadangkan tempoh masa yang bersesuaian dalam penyemakan dokumen kontrak oleh Pegawai Penasihat Undang-Undang dan tempoh masa berkenaan diletakkan sebagai KPI pegawai tersebut.	A	2

KEUTAMAAN STRATEGI

STRATEGI 2

- **MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
11	Mengadakan latihan/kursus pengurusan terimaan.	A	2
12	Mengadakan Sesi Libat Urus bersama pihak Commerce Dot Com (CDC) Sdn Bhd bagi tujuan untuk menambah baik sistem notifikasi kontrak tamat dalam sistem ePerolehan.	A	2
13	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses bayaran.	A	2
14	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses kutipan hasil.	A	2
15	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses pengeluaran resit.	A	2
16	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses pengurusan dana/ peruntukan.	A	2
17	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses pentadbiran kontrak.	A	2
18	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan dalam proses tuntutan panjar wang runcit.	A	2
19	Mewujud dan melaksanakan mekanisme pemantauan secara berkala dalam kajian pasaran untuk pembelian terus.	A	2
20	Mewujudkan pengasingan kuasa mengikut Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkuat kuasa.	A	2
21	Mewujudkan skema pemarkahan penilaian seragam dengan memasukkan elemen dan kriteria yang bersesuaian dengan wajaran markah yang boleh digunapakai sebagai panduan kepada Jawatankuasa Penilaian.	A	2
22	Memperkasakan mekanisme pusingan kerja bagi jawatan yang sensitif.	B	2

KEUTAMAAN STRATEGI

STRATEGI 3

- **MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN**

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Membangunkan Standard Operating Procedure (SOP)/ Garis Panduan (GP) berkaitan pengendalian arahan semasa diterima yang melibatkan keputusan dalam aktiviti penguatkuasaan dan kawalan keselamatan.	A	3
2	Memperkasakan pelaksanaan SOP/GP pengeluaran lesen.	A	3
3	Memperkasakan pelaksanaan SOP/GP Penguatkuasaan dan Pemantauan.	A	3
4	Memperkukuhkan pelaksanaan audit pematuhan kepada SOP/GP penguatkuasaan dan pemantauan secara keseluruhan.	A	3
5	Memperkukuhkan pematuhan SOP/GP pengurusan eksibit.	A	3
6	Mengadakan latihan untuk memperkukuhkan pemahaman SOP/GP di kalangan anggota penguatkuasaan dan pemantauan.	A	3
7	Memperkemaskan SOP/GP siasatan bagi kes salah laku pegawai.	B	3
8	Meningkatkan pemantauan daripada pegawai penyelia yang menguruskan aktiviti makmal.	B	3
9	Meningkatkan penguatkuasaan terhadap SOP/GP pemeriksaan premis dan pematuhan prosedur kerja.	B	3
10	Menyediakan fasiliti stor eksibit yang mematuhi spesifikasi keselamatan berdasarkan garis panduan dengan menambah baik sistem kawalan keselamatan.	B	3

PELAN TINDAKAN DAN PEMANTAUAN

BIDANG KEUTAMAAN 1 : PENGURUSAN

STRATEGI 1 :	
MEMPERKASA PENGURUSAN ORGANISASI KE ARAH TADBIR URUS YANG BAIK	
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Memperkasa ketelusan dalam pengurusan modal insan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Memperkukuh akauntabiliti dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan maklumat
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Memperkukuh tatakelola pengurusan organisasi

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : MEMPERKASA KETELUSAN DALAM PENGURUSAN
 MODAL INSAN**

BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.1	Pegawai menyalahguna kuasa dan menggunakan pengaruh luar/pihak berkepentingan untuk penempatan/pertukaran /Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	Memperkukuhkan proses kerja bagi penempatan/pertukaran pegawai dan memastikan setiap keputusan pertukaran adalah dibuat oleh Jawatankuasa Pertukaran/Penempatan	Unit Sumber Manusia	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan.		5 tahun (2025-2029)
		Memperkukuh dan mengadakan Latihan Pematuhan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar		5 tahun (2025-2029)
1.1.2	Pegawai mendedahkan maklumat peribadi kakitangan kepada pihak luar	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Menyebarkan luas peringatan/hebahan secara berkala berkenaan kepentingan menyimpan rahsia jabatan		5 tahun (2025-2029)
1.1.3	Pegawai menyalahguna kuasa dalam membuat keputusan untuk penganugerahan/APC	Memperkasakan penggunaan <i>integrity pact</i> sedia ada	Unit Sumber Manusia	5 tahun (2025-2029)

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
2025 - 2029

1.1.4	Pegawai memberi suapan kepada penyelia/urus setia Lembaga Tatatertib bagi mengelakkan tindakan tatatertib dan surcaj	Memperkasakan fungsi Lembaga Tatatertib dengan membuat Kursus Pelaksanaan Tatatertib yang berkesan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Memperkasakan <i>Whistleblowing Policy</i> dengan mewujudkan saluran aduan rasuah yang mesra pengguna		2 Tahun (2025-2026)
		Mengadakan Program Peningkatan Kesedaran <i>Whistleblowing Policy</i>		5 tahun (2025-2029)
1.1.5	Pegawai tidak telus dan jujur dalam siasatan aduan/kes tatatertib menyebabkan hukuman tidak setimpal	Membuat hebahan / peringatan kepada pegawai untuk mematuhi tatacara pengurusan kes tatatertib	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
1.1.6	Pegawai membocorkan maklumat pengadu dan siasatan	Memperkasakan pematuhan terhadap Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam KKM	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
		Mengadakan Program Kesedaran Kepentingan Akta Rahsia Rasmi dan <i>Integrity Pact</i>		5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : MEMPERKASA KETELUSAN DALAM PENGURUSAN MODAL INSAN

BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1.7	Pegawai yang mengurus aduan tidak mengurus aduan secara efisien dan sistematik	Mengadakan Latihan Pengurusan Aduan Awam secara berkala dan menyeluruh kepada semua penyelar aduan	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.1.8	Pegawai menyalahguna aset kerajaan/kenderaan untuk urusan peribadi	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.1.9	Pegawai menyalahguna kuasa dengan melibatkan diri secara aktif didalam politik	Membuat hebahan secara berkala peringatan berkenaan peraturan/pekeliling penjawat awam	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.1.10	Pegawai menyalahguna kuasa dalam pemberian Anugerah. Contoh: APC, Pingat Kebesaran dll.	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
2025 - 2029

1.1.11	Pegawai menyalahguna kuasa pengambilan personel. Contoh: MYSTEP	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia	1 tahun (2025)
		Mewujudkan mekanisma pemantauan dari Pegawai Pengawal pematuhan tatacara pelantikan personel		1 tahun (2025)
1.1.12	Pegawai melakukan gangguan seksual	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Meningkatkan peringatan dan hebahan berkaitan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja		5 tahun (2025-2029)

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 : MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DAN
 KEBERTANGUNGJAWABAN DALAM PENGURUSAN MAKLUMAT**

BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.2.1	Pegawai menerima rasuah membocorkan maklumat pesakit tanpa kelulusan	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
		Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti		5 tahun (2025-2029)
1.2.2	Pegawai membuat pernyataan awam tanpa kebenaran	Membuat hebahan untuk tidak mengeluarkan pernyataan awam tanpa kebenaran	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.2.3	Pegawai tidak mendaftarkan aduan yang diterima	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Pentadbiran	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.2.4	Pegawai mendedahkan maklumat pengadu dan	Memperkasa program		1 tahun (2025)

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
2025 - 2029

	butiran aduan kepada pihak yang diadu	kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.2.5	Pegawai mendedahkan/membocorkan maklumat aduan kepada pihak ketiga	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
		Mengadakan Program Kesedaran Kepentingan Akta Rahsia Rasmi	Unit Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
1.2.6	Pegawai gagal menyelia pangkalan data Kemudahan dan Penjagaan Kesihatan Swasta	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 : MEMPERKUKUH TATAKELOLA PENGURUSAN ORGANISASI

BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.3.1	Pegawai menerima penajaan daripada pihak berkepentingan untuk menghadiri persidangan di dalam/luar negara tanpa mendapatkan kelulusan KSU KKM	Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.3.2	Pegawai tidak mematuhi peraturan waktu bekerja	Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.3.3	Pegawai memalsukan cuti sakit	Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)
1.3.4	Pegawai salah guna kuasa menjalankan pekerjaan luar/lokum	Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)

1.3.5	Pegawai tidak telus dalam membuat Penilaian Sasaran Kerja Utama (SKU) sejajar dengan prestasi dan pencapaian kerja	Menganjurkan Bengkel Penilaian SKU kepada penyelia	Unit Sumber Manusia	5 tahun (2025-2029)
1.3.6	Pegawai memalsukan pencapaian sasaran tahunan	<p>Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti</p> <p>Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan</p>	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	5 tahun (2025-2029)

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 : MEMPERKUKUH TATAKELOLA PENGURUSAN ORGANISASI

BIL.	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.3.7	Pegawai gagal membuat pemantauan terhadap penempatan/pendaftaran/pemeriksaan/pelupusan aset alih	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.3.8	Campur tangan pihak ketiga dalam proses siasatan	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.3.9	Pegawai menerima/meminta suapan semasa penyiasatan kes	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
 JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH
 2025 - 2029

1.3.10	Pegawai menerima sogokan bagi memalsukan penyertaan kehadiran pengamal PT&K bagi sesi Taklimat Akta Perubatan Tradisional & Komplimentari 2016 (Akta 775)	Memperkasa program kesedaran berkenaan integriti	Unit Sumber Manusia (Tatatertib)	1 tahun (2025)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang melakukan kesalahan		5 tahun (2025-2029)
1.3.11	Pihak ketiga menyebarkan hantaran politik berkenaan Jabatan	Membuat hebahan untuk tidak mengeluarkan pernyataan awam tanpa kebenaran	Semua Jabatan	5 tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 2 : PEROLEHAN DAN KEWANGAN

